

BAB VI

PENUTUP

6.1. Kesimpulan

Daripada pemahaman tentang situasi masyarakat India, terutamanya kondisi sosial-budaya dan keagamaan yang *ekletik*, baru dapat dilihat di mana posisi penting pemerintahan Akbar dengan konsep toleransi universal yang diberlakukannya. Akbar, tidak seperti para pendahulunya, berhasil membaca arus besar mentaliti-asimilatif masyarakat dan menerapkan pelbagai polisi keagamaan yang sesuai dengan konsep toleransi universal dan arus besar tersebut. Konsep toleransi universal Akbar yang dimanifestasikan dalam pelbagai bentuk polisinya lebih mampu mengakomodasi realiti masyarakat yang sememangnya sudah majmuk. Meskipun sebagai seorang penguasa Muslim, dia tidak menerapkan polisi keagamaan dari sudut pandang hukum Islam yang formal dan ketat, tetapi justeru menerapkan polisi keagamaan yang boleh diterima oleh semua agama atas dasar kesamaan dan kesetaraan memperoleh hak sebagai warga negara. Akbar menyadari bahwa untuk membentuk sebuah pemerintahan yang kokoh di dalam sebuah masyarakat yang majmuk, tidak mungkin hanya mengakomodasikan kepentingan satu golongan sahaja, apalagi golongan itu hanya minoriti, dan inilah yang tidak mampu dibaca oleh kebanyakan penguasa Muslim di India sebelum ataupun sesudahnya.

Akbar nampaknya tidak berniat membentuk sebuah 'negara Islam' dengan menerapkan hukum Islam secara ketat dan formal, melainkan membentuk sebuah *nation-state* (negara-bangsa) yang didasarkan pada nilai-nilai universal dan

intipati ajaran Islam, yang tidak menutup kemungkinan, nilai-nilai tersebut juga terdapat pada agama-agama selain daripada Islam. Konsep toleransi universal yang didasarkan pada nilai-nilai universal kemanusiaan itulah yang mampu merangkumi pelbagai komponen bangsa kerana mereka merasa terlindungi, meskipun penguasa itu tidak daripada golongan mereka. Perkara ini sebenarnya tidak merugikan Islam sebagaimana dituduhkan oleh kaum ortodoks Islam, tetapi justeru menguntungkan umat Islam sendiri. Jika di dalam masyarakat yang majmuk diterapkan polisi keagamaan yang hanya menguntungkan orang Islam sahaja yang minoriti, maka golongan di luar Islam, sebagai majoriti, yang merasa dirugikan akan secara langsung memberikan perlawanan kepada orang Islam. Di sinilah letaknya kecerdikan Akbar, kerana beliau mampu mengakomodasikan pelbagai kepentingan golongan, agama, ataupun ideologi di dalam kekuasaannya dengan tidak mengistimewakan salah satu di antara yang lain.

Dua asas pembangun toleransi universal Akbar, iaitu keterbukaan kepada orang keturunan asing dan sikap tolak-ansur kepada bangsa lain, nampaknya mampu mengakomodasi pelbagai kepentingan rakyat dan dapat memberikan rasa aman serta dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat sehingga mereka merasa bebas beraktiviti dan berkreasi serta memperolehi hak yang sama sebagai warga negara. Perbezaan kelompok, suku, adat resam, dan agama tidak menjadikan mereka bercegaru, justeru saling bekerjasama dan mengisi satu sama lain.

Dengan toleransi universal, Akbar berhasil membuat kemajmukan yang ada di masyarakatnya menjadi suatu kolaborasi dan percampuran pelbagai macam kebudayaan. Ini dibuktikan dengan tidak hanya kebudayaan dan peradaban di luar India sahaja yang diserap seperti Persia dan Turki, tetapi juga terutamanya

terhadap budaya tempatan India dengan *local genius*-nya sehingga menghasilkan sebuah cara pandang yang mendunia (*global vision*) dan tidak eksklusif. Percampuran unsur dalaman (budaya tempatan) dengan unsur luaran (budaya luaran) inilah yang mampu menghasilkan *universalistic civilization* yang kosmopolitan.

Oleh itu, dengan memandangkan rentang panjang sejarah umat Islam, terutamanya pada masa pemerintahan Akbar, bahawa kemajuan kebudayaan dan peradaban Islam tidak boleh terbentuk hanya dengan menerapkan hukum Islam yang formal dan ketat di suatu wilayah, tetapi hanya boleh dicapai apabila nilai-nilai universal ajaran Islam mampu bersintesis dan berkolaborasi dengan pelbagai budaya dan peradaban lain. Keberadaan Dinasti Mughal di India pada masa kepimpinan Akbar sudah membuktikannya. Inilah sebabnya masyarakat India memberi gelar Akbar sebagai penguasa agung (*Akbar the Great*). Konsep toleransi universalnya telah mampu mengharmonikan pelbagai agama dalam sebuah bangsa yang besar. Beliau juga mampu mengharmonikan urusan politik dan agama dengan konsep toleransi universal yang diterapkannya. Pemberlakuan konsep toleransi universal yang dilakukan oleh Akbar inilah yang pada masa sekarang mutlak diperlukan untuk membentuk *civil society* dalam sebuah kemajmukan *nation-state*.

6.2. Saranan

1. Dalam perjalanan sejarah Islam, banyak para penguasa Muslim yang kurang boleh memahami kecenderungan arus zamannya, terutamanya arus mentaliti masyarakat yang sedang berlangsung masa itu. Ketika penguasa

tersebut hanya mengedepankan ambisinya untuk memperluaskan wilayah kekuasaan demi kepentingan sesaat, dan meskipun mereka berhasil, kekuasaan yang diperolehinya itu tidak akan bertahan lama kerana akan terpentak dengan sendirinya dengan kekuatan arus tersebut yang amat deras. Kerana itu, seorang pemimpin harus boleh membaca situasi batin masyarakat yang dipimpinya, tidak hanya pandai dalam kemampuan pentadbiran sahaja.

2. Dalam sebuah masyarakat yang majmuk, suatu pemerintahan yang hanya mendasarkan polisinya hanya kepada kepentingan satu golongan tidak akan bertahan dengan lama. Pemerintahan tersebut akan bertahan lama apabila boleh mengakomodasikan pelbagai kepentingan semua rakyat, bukan hanya pada satu golongan sahaja. Ramainya tuntutan sebahagian negara untuk memberlakukan hukum Islam dalam sebuah *nation-state* akhir-akhir ini adalah kes yang menarik. Pemberlakuan syari'at Islam secara baku di dalam sebuah negara yang majmuk seperti Malaysia dan Indonesia nampaknya tidak bijaksana. Sebuah kenyataan bahawa masyarakat Malaysia dan Indonesia adalah masyarakat yang majmuk. Tidak akan boleh memberlakukan satu hukum agama tertentu di tengah kondisi masyarakat yang seperti itu. Apakah bukan lebih baik nilai-nilai ajaran Islam yang universal, yang juga sama dengan nilai-nilai universal agama lain, yang menjiwai setiap "denyut nadi kehidupan berbangsa dan bertanah air"?
3. Permasalahan yang paling rumit dalam sebuah negara adalah permasalahan tarik menarik antara agama dan politik. Ketika kedua

permasalahan tersebut berhasil diharmonikan dengan baik, maka akan terjadi ketertiban. Pemberlakuan konsep toleransi universal seperti yang telah dilakukan oleh Akbar secara tidak langsung mampu mengharmonikan dua kepentingan tersebut. Ketika perkara ini terwujud maka akan mudah sekali mewujudkan sebuah *civil society* yang akhir-akhir ini berusaha diwujudkan oleh banyak negara.

4. Peradaban Islam yang universal hanya boleh diwujudkan apabila nilai-nilai universal ajaran Islam diwujudkan dan diberlakukan sesuai dengan situasi sosial-budaya tempatan serta terjadi keseimbangan antara keduanya. Nilai-nilai universal ajaran Islam yang amat terbuka itu seharusnya juga harus diselarikan dengan kewujudan budaya dan peradaban Islam yang kosmopolitan. Kosmopolitanisme peradaban Islam boleh dicapai apabila terdapat sifat "keterbukaan" dan "tolak-ansur" dengan budaya asing, terutamanya budaya tempatan. Penerimaan terhadap budaya tempatan yang lebih besar akan memperkokoh landasan atau asas pembangunan suatu peradaban besar supaya tidak lepas daripada nilai-nilai tradisi *local-genius*. Pembentukan peradaban Islam yang universal dan kosmopolitan tidak selalunya dibentuk daripada unsur-unsur yang dibawa daripada Arab, tetapi dibentuk daripada percampuran dan sintesis yang seimbang antara nilai-nilai universal Islam dan kondisi sosial budaya pada masa itu.
5. Peradaban Islam yang telah "redup cahayanya" selama beberapa abad belakangan ini sebenarnya boleh menjadi sebuah peradaban yang besar kembali seperti kejayaannya dahulu apabila peradaban Islam tetap terbuka

dengan unsur luaran dan diolah sedemikian rupa menjadi sebuah produk peradaban dunia. Kerana itu, apabila umat Islam sekarang ini justeru menutup diri dengan pelbagai konsep "islamisasi", akan semakin menambah kemunduran umat Islam dengan pelebagaan eksklusif-tertutup dalam kategori islami. Jika ini diertikan sebagai respon atas hegemoni peradaban Barat, perkara ini justeru akan menimbulkan pertembungan di antara peradaban. Oleh itu apabila peradaban Islam tetap ingin menjadi peradaban yang sejagat dan kosmopolitan, maka harus tetap membuka diri dan terbuka serta tolak ansur dengan budaya dan peradaban lainnya, bukan justeru menutup diri dengan simbol-simbol 'islami'.